

Oct. 3, 2021 – Salt Lake City
(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Apakah yang Nabi Ajarkan di Persidangan Umum?

Carilah kebenaran ‘suci’, menguatkan landasan rohani anda dan atur masa untuk Tuhan, Presiden Russell M. Nelson berkata di pengumpulan global



Presiden Russell M. Nelson berucap semasa sesi pagi Hari Sabtu persidangan umum Oktober 2021 dari Gereja Yesus Kristus, yang disiarkan pada 2–3 Oktober dari Pusat Persidangan di Salt Lake City, Utah.

Presiden [Russell M. Nelson](#) menjemput para peserta [persidangan umum](#) Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dari seluruh dunia untuk mendengar “kebenaran suci, ajaran Kristus yang suci dan wahyu suci,” menguatkan landasan rohani dan atur masa untuk Tuhan.

Pesanan yang bertumpu kepada Yesus Kristus oleh Presiden Nelson, para Penguasa Umum dan Pegawai Umum telah disampaikan pada 2–3 Oktober dari Pusat Persidangan yang hampir kosong kerana COVID-19 di Salt Lake City, Utah, dan disiarkan kepada berjuta-juta orang di seluruh dunia.

Carilah Kebenaran Suci, Ajaran Suci dan Wahyu Suci

Menekankan bahawa “kebenaran mutlak — kebenaran abadi” wujud, Presiden Nelson, yang dihormati oleh para ahli seiman sebagai seorang [nabi](#), menjamin para pendengar semasa sesi pembukaan persidangan bahawa “apa yang anda akan dengar hari ini dan keesokan hari membuktikan kebenaran suci.”

Dia turut berucap tentang kuasa “ajaran Kristus yang suci” untuk mengubah kehidupan dan membantu orang kekal di jalan kesolehan. “Tidak pernah ada masa dalam sejarah dunia di mana pengetahuan tentang Juruselamat semakin penting dan berkaitan bagi setiap jiwa manusia,” kata dia.

Carilah Roh Kudus untuk membantu anda “dengar apa yang Tuhan ingin anda dengar,” dia berkata, “wahyu suci” akan membantu menjawab soalan-soalan dalam hati para pendengar semasa mereka menjamu pesanan daripada Tuhan melalui para hamba-Nya.

Menguatkan Landasan Rohani Anda

Dengan menggunakan [contoh pengubahsuaian yang sedang dilaksanakan](#) untuk Bait Suci Salt Lake, yang termasuk pengukuhan besar landasan asalnya, Presiden Nelson menekankan, pada pagi hari Ahad, keperluan untuk “landasan rohani peribadi” yang kukuh dalam “zaman yang tidak pernah berlaku sebelumnya.”

“Jika anda dan saya akan menahan bahaya dan tekanan yang akan datang, ia adalah mustahak bahawa kita masing-masing ada landasan rohani yang kukuh dibina di atas batu Penebus kita, Yesus Kristus,” kata dia.

Pusat “pengukuhan iman dan kekuatan rohani kita” adalah [bait suci](#), yang meningkatkan pemahaman tentang Yesus Kristus, mengikat kita kepada-Nya melalui [perjanjian](#) imamat kudus dan menganugerahi kita dengan kuasa penyembuhan, pengukuhan-Nya. “Dan ya, kita memang akan perlukan kuasa-Nya pada hari-hari yang akan datang,” kata Presiden Nelson.

Menjelaskan bahawa “[Pemulihan](#) berterusan memerlukan wahyu berterusan,” Presiden Nelson berkata bahawa Tuhan, melalui pelarasan prosedur bait suci baru-baru ini dan masa depan, sedang “sediakan peluang bagi setiap kita untuk perkukuhkan landasan rohani kita dengan lebih berkesan dengan memusatkan kehidupan kita kepada-Nya dan pada tatacara dan perjanjian bait suci-Nya.”

Dengan kekal setia kepada perjanjian bait suci, “apabila gempa bumi rohani berlaku, anda akan dapat berdiri teguh kerana landasan rohani anda kukuh dan tak tergoyah,” kata dia.

Atur Masa untuk Tuhan

Semasa sesi penutupan persidangan petang hari Ahad, Presiden Nelson merayu kepada para peserta untuk “lawan godaan dunia dengan atur masa untuk Tuhan dalam hidup anda.”

“Jadikan landasan rohani anda teguh dan dapat tahan ujian masa dengan lakukan hal-hal yang membenarkan Roh Kudus bersama anda selalu,” kata dia.

“Jika kebanyakan maklumat yang anda dapat datang dari media sosial atau media lain, keupayaan anda untuk dengar bisikan Roh akan berkurangan,” kata Presiden Nelson.

Kita menjemput Roh dengan “memperbaiki fokus anda pada Yesus Kristus” melalui doa harian dan pembelajaran injil, penyembahan hari Sabat, mengambil [sakramen](#) dan atur masa untuk Tuhan di bait suci.

Presiden Nelson kemudian mengumumkan nama-nama [13 bait suci baharu](#).

“Tuhan kenal dan kasihi anda,” dia membuat kesimpulan. “Dia ialah Juruselamat dan Penebus anda. Dia memimpin dan membimbing Gereja-Nya. Dia akan memimpin dan membimbing anda dalam kehidupan peribadi anda jika anda akan atur masa untuk-Nya dalam hidup anda — setiap hari.”